

Program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor Banyak Manfaat

Oleh Erda Khursyiah Basir | 4/10/2017

SHAH ALAM (Bernama) -- Program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) berjaya mengubah landskap kehidupan kira-kira 3,000 peserta yang kebanyakannya terdiri daripada anak jati negeri ini ke tahap lebih baik sejak dilaksanakan pada 2011.

Inisiatif **Kumpulan Perangsang Selangor Berhad** (Perangsang Selangor) melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) badan itu, fokus membantu golongan kurang berkemampuan agar mempunyai kemahiran tertentu serta melahirkan usahawan berdaya saing yang mampu memasarkan produk atau perkhidmatan lebih meluas melalui kursus dan latihan yang dijalankan secara percuma.

Pengarah Bersekutu Perhubungan Awam, Media dan CSR Perangsang Selangor Mohd Fauzi Mohd Ghazali berkata antara kursus dan latihan yang ditawarkan ialah penternakan, rawatan selepas bersalin, jurubekam klinikal, perkhidmatan baik pulih penghawa dingin, perkhidmatan kontraktor binaan, menjahit, pembuatan kek dan roti, percetakan segera, mutawif (ketua rombongan haji) dan penjagaan kanak-kanak.

"Program ini melibatkan kursus dan latihan kemahiran usahawan dan bukan usahawan serta latihan kemahiran insaniah terutama kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan atau berpendapatan rendah, kurang daripada garis kemiskinan negeri Selangor iaitu RM1,500 per isi rumah.

"Peserta perlu mempunyai minat untuk memajukan diri tidak kira sama ada bekerja makan gaji atau menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seterusnya menjana pendapatan yang lebih stabil," katanya kepada Bernama dalam temubual baru-baru ini.

SEBAGAI PLATFORM

Kursus dan latihan dikendalikan agensi penyedia latihan atau disebut mentor yang dilantik oleh Perangsang Selangor selepas beberapa syarat kelayakan dipenuhi peserta yang antaranya penyertaan turut dibuka kepada mereka yang bermastautin di Selangor melebihi tempoh tiga tahun.

Penyedia latihan turut bertindak mempromosi kursus dan latihan tertentu yang ditawarkan bergantung kepada bidang masing-masing termasuk melalui platform media sosial atas kapasiti mereka lebih arif dan berpengalaman untuk memilih peserta yang layak dan berpotensi.

"Penyedia latihan atau mentor akan mengajar secara teori dan praktikal melalui pengalaman dan kepakaran masing-masing. Contohnya, dalam bidang pembuatan kek dan roti mereka yang mengajar ialah yang memiliki perniagaan 'bakery' atau Cef.

"Dalam bidang penternakan pula mentornya ialah mereka yang telah mendapat anugerah sebagai penternak berjaya, begitu jugalah dengan bidang lain," ujarnya sambil menambah penyedia latihan mempunyai kemudahan dan kelengkapan termasuk tapak atau pusat latihan dan kelas untuk mengajar.

Selain prestasi peserta sepanjang kursus antara dua hari hingga dua bulan akan direkod dan dipantau oleh Perangsong Selangor, sijil tamat kursus turut diberikan sekaligus menjadi 'tiket' untuk peserta mengorak langkah ke peringkat seterusnya sama ada bekerja makan gaji atau membuka perniagaan sendiri.

Sehingga kini, seramai 1,899 peserta telah berjaya membuka perniagaan sendiri serta bekerja di sektor-sektor tertentu selaras dengan kemahiran yang dipelajari semasa mengikuti program RKRS.

Antaranya golongan belia, graduan, penganggur, ibu tunggal, pesara dan orang kurang upaya.

Mohd Fauzi berkata purata pendapatan sebulan yang dijana peserta program RKRS sebagai contoh usahawan penternakan (RM500-RM10,000), usahawan perkhidmatan spa bergerak (RM500-RM8,000), usahawan jurubekam klinikal (RM500-RM10,000), usahawan perkhidmatan kontraktor binaan (RM1,500-RM40,000) dan usahawan baikpulih penghawa dingin (RM1,500-RM 4,000).

"Bermula tahun lepas Perangsong Selangor telah menjalin kerjasama dengan Yayasan Hijrah Selangor yang akan memberi bantuan usahawan kepada rakyat Selangor melalui skim pinjaman mikrokredit bagi memulakan perniagaan.

"Melihat keperluan mencari tapak dan memulakan 'langkah pertama', program RKRS umpama platform bagi membantu rakyat meningkatkan taraf hidup dan pembangunan sosial seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh," jelasnya sambil menambah sebanyak RM8 juta telah dibelanjakan bagi program latihan kemahiran dan pembangunan usahawan RKRS.

TINGKAT TARAF HIDUP

Seorang bekas peserta program RKRS yang juga jurubekam klinikal Murni Hashim, 40, berkata program itu banyak membantu mengubah kehidupan beliau sebagai ibu tunggal terutama dalam membina keyakinan diri dan meyakinkan pelanggan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan.

Mengikuti kursus bekam klinikal dan rawatan penjagaan selepas bersalin pada 2015, program itu telah mengembangkan kerjaya beliau yang sebelum ini tukang urut tradisional serta terlibat secara tidak langsung dengan rawatan selepas bersalin.

"Sebenarnya dari segi urutan, saya belajar dari arwah moyang sejak kecil dan apabila berpeluang mengikuti kursus di bawah program RKRS ini saya memperluas kebolehan yang ada. Sijil yang dikeluarkan pihak Perangsong Selangor juga menjadikan saya lebih berani 'terdedah' tentang perkhidmatan yang ditawarkan melalui media sosial seperti Instagram dan Facebook.

"Melalui program ini juga saya mendapat tips berguna daripada mentor yang mengajar. Daripada gaji sekitar RM3,000 sebulan pendapatan saya kini Alhamdulillah boleh mencecah RM10,000 dengan menggabungkan segala kebolehan dan kemahiran yang ada dan dipelajari sebelum ini," kongsi beliau yang mempunyai tiga cahaya mata berusia antara 12 hingga 16 tahun.

Murni pada masa sama berkata program RKRS memberi peluang kepadanya untuk menambah kenalan dari pelbagai latar belakang sekaligus menjadikan beliau lebih bersifat

terbuka, bersemangat dan tidak kenal erti putus asa demi mencari rezeki terutama dalam membesarkan anak.

Dengan perkhidmatan yang dijalankan secara 'mobile' atau pelanggan boleh datang sendiri ke rumahnya yang terletak di Shah Alam, Murni berkata beliau turut mendapat beberapa tawaran untuk ke luar negara daripada pelanggan yang mahu menggunakan khidmatnya sepanjang tempoh berpantang selepas bersalin.

KAEDAH TRADISIONAL

Ahli terapi kesihatan dan kecantikan yang juga jurubekam klinikal, Nor Aseken Rosley, 33, berkata kursus bekam klinikal melalui program RKRS telah membantu mempertingkatkan ilmu dan kemahiran beliau mengenai teknik bekam yang dipelajari sebelum ini.

Mempelajari teknik bekam pada 2014 ketika membantu rakan perniagaannya, beliau menambah faktor ingin merawat arwah ibunya yang ketika itu menghidap strok melalui kaedah rawatan alternatif menjadi pendorong untuk beliau meneroka kaedah berkenaan.

"Pada waktu itu tiada istilah bekam klinikal jadi apabila dapat tahu tentang kursus ini saya berminat untuk mempelajarinya supaya boleh 'upgrade' ilmu. Bekam klinikal boleh diringkaskan sebagai mengikut standard dan prosedur hospital, selaras kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia dari segi cara kerja, kebersihan dan peralatan yang digunakan bagi menjamin keselamatan dan mengelak jangkitan kuman.

"Selepas menyertai kursus ni pada 2015 saya menawarkan perkhidmatan secara 'mobile' dari rumah ke rumah serta menyediakan bilik khas di rumah saya sendiri untuk tujuan rawatan. Antara yang menggembirakan saya ialah apabila pelanggan sembuh dari penyakit selepas menjalani rawatan bekam klinikal yang saya lakukan," katanya sambil menambah sekurangnya beliau juga boleh menyumbang kepada masyarakat dengan ilmu dan kemahiran yang ada.

Turut menjalankan perkhidmatan 'mobile spa' di sekitar Bangi dan Lembah Klang, beliau yang mesra disapa 'Ekien Rosley' tidak menafikan perniagaan bercorak perkhidmatan yang dijalankan juga ada 'turun-naiknya', sama seperti yang dihadapi usahawan lain.

"Ia banyak bergantung kepada diri kita sendiri sama ada rajin atau tidak dan nak terima pelanggan atau tidak," katanya sambil menambah perniagaan berasaskan perkhidmatan juga menuntut beliau untuk 'service' diri sendiri terlebih dahulu agar pelanggan yakin dan percaya dengan khidmat rawatan alternatif yang ditawarkan.

RUANGAN SISI

Perangsang Selangor telah menerima dua anugerah 'Asia Responsible Entrepreneurship Awards' -Social Empowerment Category Enterprise Asia' pada 2013 dan 2015 di Singapura dan Macau, yang mempertandingkan 316 penyertaan daripada badan korporat seluruh Asia.

Selain program RKRS, Perangsang Selangor melalui CSRnya turut memberi fokus kepada program Rangsangan Sukan Selangor yang melibatkan pembangunan atlet serta Rangsangan Tanggungjawab Masyarakat Selangor yang merujuk kepada aktiviti berunsur kerohanian, bantuan dan derma kepada badan tertentu serta bantuan kepada kakitangan Perangsang Selangor yang ditimpa sakit atau musibah tertentu.

Hampir RM30 juta telah diperuntukkan untuk tujuan CSR badan itu sejak 2011 dan ia sehingga kini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai dengan pelbagai kursus dan latihan yang ditawarkan.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai program CSR Perangsang Selangor, orang ramai boleh melayari laman sesawang www.perangsangselangor.com atau terus menghubungi unit CSR Perangsang Selangor talian 03-55103999.

<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/fe/newsfeatures.php?id=1397275>